BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAJIAN KES 4

Dr. Ariana telah dilantik sebagai Pegawai Perubatan Gred UD41 pada 01.02.2014. Beliau telah menjalani Latihan Siswazah di Hospital Raja Perempuan Zainab II dan tamat dengan jaya posting ke-6 pada 14.03.2016. Semasa menjalani Latihan Siswazah beliau telah mengambil Cuti Tanpa Gaji selama 5 hari pada tarikh 14.11.2015 sehingga 19.11.2015. Dr. Ariana mendapat pendaftaran penuh dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM) pada tarikh 13.09.2015 dengan no. Pendaftaran 65782 dan seterusnya mendapat Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) pada tarikh 14.09.2015.

Soalan:

Nyatakan tarikh pegawai layak naik pangkat ke Gred UD44.

Jawapan:

Tarikh Lantik : 01.02.2014 (06.02.2014)
Tarikh MPM: 13.09.2015
Tarikh PDP: 14.09.2015
Tamat posting ke-6: 14.03.2016

- Kekananan pegawai berubah kerana CTG selama 5 hari (01.02.2014 + 5 hari = **06.02.2014**)

- Asas tarikh kenaikan pangkat ke gred UD44; 2 tahun selepas dilantik sebagai UD41 atau mana-mana tarikh terkemudian antara tarikh MPM, PDP atau tarikh tamat posting ke-6. Maka bagi Dr. Ariana; **pegawai layak diperaku ke Gred UD44 pada tarikh tamat posting ke-6 iaitu 14.03.2016.**

Sumber rujukan:

1. P.U.(A) 1/2012 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
3. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2009 – Kesan ke atas Perkhidmatan bagi Pegawai yang Diluluskan Cuti Bergaji Penuh, Cuti Separuh Gaji dan Cuti Tanpa Gaji
4. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA): Rujukan JPA(S)K.256/6/27 Klt.2 / s.k 2 (4) Bertarikh 3 Julai 2009 – Penetapan Wajaran Markah Prestasi Bagi Urusan Pemangkuan/Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam
5. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA): Rujukan JPA(S)NP134/8/1/ Klt.17(32) Bertarikh 9 Mac 2010 – Laluan Kerjaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia